

**PENGARUH NIAT TERHADAP TINGKAH LAKU
BERWAKAF TUNAI DALAM KALANGAN
MUSLIM DI PULAU PINANG**

MOHAMMAD ZULFAKHAIRI BIN MOKTHAR

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2018

**PENGARUH NIAT TERHADAP TINGKAH LAKU
BERWAKAF TUNAI DALAM KALANGAN
MUSLIM DI PULAU PINANG**

oleh

MOHAMMAD ZULFAKHAIRI BIN MOKTHAR

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Ogos 2018

PENGHARGAAN

Alhamdulillah. Segala puji ke hadrat Allah Subhānah wa Ta‘āla atas segala kurniaan nikmat, rahmat dan kasih sayang-Nya kepada diri ini yang secara tidak langsung telah memberikan kekuatan, kesihatan dan percambahan idea untuk pengkaji meneruskan perjuangan menghasilkan tesis ini.

Sepanjang perjalanan menzahirkan tesis ini, pelbagai dugaan dan nikmat silih berganti menimpa diri pengkaji. Oleh itu, pengkaji ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan berbilang terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung semasa pengkaji menyiapkan tesis ini. Pertama, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Profesor Madya Dr. Zakaria Bahari selaku penyelia utama yang banyak memberikan panduan, tunjuk ajar, nasihat, dorongan, semangat dan idea-idea bermanfaat kepada pengkaji sejak bermulanya kajian ini sehingga akhirnya berjaya menyiapkan kajian ini. Segala pertolongan yang telah diberikan semoga mendapat ganjaran sebaiknya daripada Allah SWT.

Sekalung penghargaan juga buat semua pensyarah di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM) yang menjadi tempat pengkaji bernaung menuntut ilmu. Hubungan mesra, didikan, nasihat dan dorongan semangat yang diberikan sangat memberikan inspirasi dan manfaat untuk perkembangan idea dan kandungan tesis ini. Tidak lupa juga kepada semua tenaga pengurusan ISDEV USM atas segala kerjasama dan bantuan yang diberikan

sepanjang pengkaji berada di ISDEV USM. Hanya Allah SWT sahaja dapat memberikan sebaik-baik ganjaran kebaikan di dunia dan akhirat buat mereka.

Penghargaan juga saya tujukan kepada pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang khususnya bahagian Wakaf, pihak pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, pihak pejabat Mufti Pulau Pinang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, *Islamic Business School* Universiti Utara Malaysia, *Graduate School of Business* Universiti Sains Malaysia, Pusat Pengajian Pengurusan dan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia serta Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia dalam menyalurkan maklumat, data dan keperluan bagi pengkaji untuk menyiapkan pengkajian tesis ini. Tidak dilupakan pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) atas bantuan dalam aspek kewangan dengan memberikan biasiswa MyBrain15 kepada pengkaji sepanjang tempoh pengajian pengkaji.

Buat sahabat seperjuangan, terima kasih atas segala bantuan yang diberikan sama ada secara langsung atau tidak langsung sepanjang pengkaji menyiapkan tesis ini. Semoga ukhawah yang terjalin kekal buat selama-lamanya. Kepada keluarga, ayahanda dan bonda pengkaji yang dikasihi, Mokthar bin Lias dan Umi Kelsom binti Mat Drus ini hadiah untuk anda. Alhamdulillah, anakmu kini berjaya sampai ke tahap ini atas doa dan restu kamu. Terima kasih mak dan ayah.

Akhir kata, terima kasih banyak-banyak kepada semua pihak yang berjasa sepanjang tempoh pengajian ini. Hanya Allah SWT yang dapat membalas jasa baik yang diberikan. Semoga rahmat Allah SWT sentiasa dilimpahkan buat semua. Semoga

usaha penulisan tesis ini juga diterima sebagai ibadah untuk memperkayakan ilmu pengetahuan dan mencapai keredaan Allah SWT.

Mohammad Zulfakhairi Bin Mokthar

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii		
SENARAI KANDUNGAN	v		
SENARAI JADUAL	xi		
SENARAI RAJAH	xiv		
SENARAI SINGKATAN	xvi		
PANDUAN TRANSLITERASI	xviii		
ABSTRAK	xix		
ABSTRACT	xxi		
BAB 1 - PENGENALAN			
1.1	Pendahuluan	1	
1.2	Latar Belakang Kajian	1	
	1.2.1	Perkembangan Wakaf Tunai di Malaysia	4
	1.2.2	Senario Wakaf Tunai di Pulau Pinang	10
	1.2.3	Perkembangan Konsep Niat dalam Kajian Tingkah Laku	14
1.3	Pernyataan Masalah	19	
1.4	Objektif Kajian	23	
1.5	Persoalan Kajian	23	
1.6	Definisi Operasional	26	
	1.6.1	Niat	26
	1.6.2	Tingkah Laku	28
	1.6.3	Wakaf Tunai	29
	1.6.4	Muslim Pulau Pinang	31
1.7	Skop dan Batasan Kajian	31	
1.8	Kepentingan Kajian	33	
1.9	Sumbangan Kajian	35	
1.10	Organisasi Tesis	36	
1.11	Kesimpulan	38	

BAB 2 - KAJIAN LEPAS

2.1	Pendahuluan	40
2.2	Kajian Lepas	40
2.2.1	Kajian Niat dalam Tingkah Laku Pemberian Amal	41
2.2.2	Kajian Niat dalam Tingkah Laku Kepatuhan Zakat	47
2.2.3	Kajian Wakaf	50
2.2.4	Kajian Wakaf Tunai	61
2.2.5	Kajian Tingkah Laku Berwakaf Tunai	66
2.3	Analisis Kajian Lepas	70
2.4	Kesimpulan	72

BAB 3 - SOROTAN KARYA

3.1	Pendahuluan	73
3.2	Teori Niat dalam Tingkah Laku Lazim	74
3.3	Konsep Niat dalam Tingkah Laku Berteraskan Islam	80
3.3.1	Maksud Niat dalam al-Qur'an	80
3.3.2	Maksud Niat dalam Hadith	88
3.3.3	Maksud Niat Menurut Pandangan Ilmuwan Islam	92
3.3.4	Maksud Niat Menurut Syarak	99
3.3.5	Rumusan Maksud Niat dalam Islam	100
3.3.6	Syarat Niat dan Tingkah Laku Berteraskan Islam	103
3.3.7	Elemen Pembentukan Niat dan Tingkah Laku	109
3.3.8	Tempat Pembentukan Niat	122
3.3.9	Proses Pembentukan Niat dan Tingkah Laku	125
3.3.10	Kerangka Konseptual Konsep Niat dalam Tingkah Laku Berteraskan Islam	127
3.4	Konsep Pemberian Amal dalam Islam	128
3.4.1	Konsep Milikan dan Agihan Harta dalam Islam	129
3.4.2	Bentuk Agihan Harta dalam Islam	132
3.4.2(a)	Zakat	132
3.4.2(b)	Sedekah	133
3.4.2(c)	Hibah	134
3.4.2(d)	Wakaf	134
3.4.2(e)	Wasiat	135

3.4.3	Syarat Pemberian Amal dalam Islam	136
3.4.4	Elemen Mempengaruhi Pemberian Amal dalam Islam	142
3.4.5	Kerangka Konseptual Konsep Pemberian Amal dalam Islam	148
3.5	Analisis Sorotan Karya	150
3.6	Kerangka Konseptual Kajian	151
3.7	Kesimpulan	154

BAB 4 - KAEDAH PENYELIDIKAN

4.1	Pendahuluan	155
4.2	Reka Bentuk Kajian	155
4.2.1	Kajian Teoretikal (Kualitatif)	157
4.2.2	Kajian Empirikal (Kuantitatif)	158
4.3	Kaedah Pengumpulan Data	160
4.3.1	Pengumpulan Data Sekunder	160
4.3.2	Pengumpulan Data Primer	161
4.3.3	Kaedah Pemilihan Sampel Kajian	163
4.3.3(a)	Kumpulan Pakar (Informan)	164
4.3.3(b)	Justifikasi Pemilihan Pulau Pinang sebagai Lokasi Kajian	171
4.3.3(c)	Muslim di Pulau Pinang (Responden)	172
4.3.4	Instrumen Kajian	173
4.3.4(a)	Soalan Temu Bual Pengesahan Konsep	174
4.3.4(b)	Soal Selidik Profil Responden	174
4.3.4(c)	Soal Selidik Faktor Mempengaruhi Niat dalam Tingkah Laku Berwakaf Tunai	174
4.3.4(d)	Soal Selidik Niat dan Tingkah Laku Berwakaf Tunai	175
4.3.5	Kajian Rintis	176
4.3.5(a)	Kesahan Instrumen	178
4.3.5(b)	Kebolehpercayaan Instrumen	182
4.4	Kaedah Penganalisan Data	183
4.4.1	Penganalisan Data Sekunder	184
4.4.2	Penganalisan Data Primer	184
4.4.3	Analisis Statistik	190
4.4.3(a)	Analisis Statistik Deskriptif (IBM SPSS)	190

4.4.3(b)	Analisis Hipotesis (Analisis Jalur) (SMART-PLS)	191
4.4.3(c)	Analisis Inferens: Ujian Regresi (SMART-PLS)	191
4.5	Perkaitan antara Objektif, Persoalan, Kaedah Pengumpulan Data dan Kaedah Penganalisan data	191
4.6	Prosedur Kajian	194
4.7	Kesimpulan	197

BAB 5 - ANALISIS PANDANGAN KUMPULAN PAKAR TERHADAP KONSEP NIAT DALAM TINGKAH LAKU BERWAKAF TUNAI

5.1	Pendahuluan	198
5.2	Konsep Niat dalam Tingkah Laku Berwakaf Tunai	198
5.2.1	Maksud Niat Berwakaf Tunai	199
5.2.2	Elemen Mempengaruhi Niat Berwakaf Tunai	200
5.2.2(a)	Kepatuhan Agama (Keimanan Dan Takwa)	201
5.2.2(b)	Ganjaran Berwakaf Tunai	203
5.2.2(c)	Kesedaran untuk Berwakaf Tunai	207
5.2.2(d)	Ukhuwah	209
5.2.2(e)	Pengetahuan Tentang Wakaf Tunai	211
5.2.2(f)	Kemampuan untuk Berwakaf Tunai	212
5.2.3	Konstruk, Faktor dan Elemen Pengukuran Konsep Niat dalam Tingkah Laku Berwakaf Tunai	214
5.2.4	Kerangka Konseptual Konsep Niat dalam Tingkah Laku Berwakaf Tunai	217
5.3	Analisis Pandang Informan Terhadap Pengukuran yang Digunakan dalam Konsep Niat dalam Tingkah Laku Berwakaf Tunai	218
5.3.1	Latar Belakang Informan	218
5.3.2	Maksud Niat dalam Konsep Niat dalam Tingkah Laku Berwakaf Tunai	219
5.3.3	Faktor Pengetahuan	227
5.3.4	Faktor Kemampuan	234
5.3.5	Faktor Kepatuhan Agama	239
5.3.6	Faktor Ganjaran	241
5.3.7	Faktor Kesedaran	244
5.3.8	Faktor Ukhuwah	246
5.3.9	Rumusan Pandangan Informan	248
5.3.10	Kerangka Konseptual Konsep Niat dalam Tingkah Laku	

	Berwakaf Tunai Selepas Pandangan Informan	250
5.3.11	Kerangka Konseptual Spesifik Kajian	251
5.4	Analisis Pandangan Informan Terhadap Item dalam Soal Selidik	253
5.4.1	Faktor Kepatuhan Agama	253
	5.4.1(a) Dimensi Iman dan Takwa	254
	5.4.1(b) Dimensi Ibadah	255
5.4.2	Faktor Ganjaran	257
5.4.3	Faktor Kesedaran	258
5.4.4	Faktor Ukhuwah	260
5.4.5	Faktor Pengetahuan	261
5.4.6	Faktor Kemudahan	263
5.4.7	Faktor Kemampuan	264
5.4.8	Konstruk Niat	266
5.4.9	Konstruk Tingkah Laku Berwakaf Tunai	268
5.4.10	Rumusan Pandangan Informan Terhadap Item dalam Soal Selidik	270
5.5	Kesimpulan	274
BAB 6 - ANALISIS PENGARUH NIAT TERHADAP TINGKAH LAKU BERWAKAF TUNAI DALAM KALANGAN MUSLIM DI PULAU PINANG		
6.1	Pendahuluan	276
6.2	Maklumat Demografi Responden	277
6.3	Analisis Statistik Deskriptif	288
6.4	Mengesahkan Ciri Data	288
	6.4.1 Kehilangan Data	288
	6.4.2 Analisis Kenormalan Data	288
	6.4.3 Bias Kaedah Biasa (<i>Common Method Bias</i>)	289
	6.4.3(a) Faktor Tunggal Harman's (<i>Harman's Single Factor</i>)	290
	6.4.3(b) Kaedah Korelasi Separa (<i>Partial Correlation</i>)	292
	6.4.3(c) Kaedah Lindell dan Whitney	293
	6.4.3(d) Kaedah Korelasi Matriks	295
6.5	Penilaian Model Pengukuran	296
	6.5.1 Kebolehpercayaan Ketekalan Dalaman	296
	6.5.2 Kebolehpercayaan Indikator	297

6.5.3	Kesahan Tumpu	297
6.5.4	Kesahan Diskriminan	304
6.6	Penilaian Model Struktur	311
6.6.1	Penilaian Kolineariti	311
6.6.2	Pekali Penentuan (R^2)	312
6.6.3	Koefisien Jalur	313
6.6.4	Saiz Kesan (F^2) dan Perkaitan Ramalan (Q^2)	316
6.7	Faktor-Faktor Mempengaruhi Niat dan Tingkah Laku Berwakaf Tunai dalam Kalangan Muslim di Pulau Pinang	318
6.7.1	Faktor-Faktor Mempengaruhi Niat Berwakaf Tunai	321
6.7.2	Faktor-Faktor Mempengaruhi Tingkah Laku Berwakaf Tunai	322
6.7.3	Analisis Faktor-Faktor Mempengaruhi Niat dan Tingkah Laku Berwakaf Tunai	323
6.8	Pengaruh Niat terhadap Tingkah Laku Berwakaf Tunai	330
6.8.1	Analisis Pengaruh Niat terhadap Tingkah Laku Berwakaf Tunai	334
6.9	Kesimpulan	336
 BAB 7 - PENUTUP		
7.1	Pengenalan	338
7.2	Hasil Penemuan Utama dan Rumusan Kajian	338
7.3	Implikasi Kajian dan Cadangan Dasar	351
7.3.1	Implikasi Teoretikal	351
	7.3.1(a) Implikasi dari Aspek Teori	351
	7.3.1(b) Implikasi dari Aspek Empirikal	352
7.3.2	Implikasi Praktikal	353
7.4	Cadangan Kajian Masa Hadapan	354
7.4.1	Subjek Kajian	355
7.4.2	Lokasi Kajian	355
7.4.3	Kaedah Kajian	355
7.5	Kesimpulan	356
 BIBLIOGRAFI		357

SENARAI JADUAL

	Halaman	
Jadual 1.1	Pelaksanaan Wakaf Tunai di Majlis Agama Islam Negeri di Semenanjung Malaysia mengikut Tahun	7
Jadual 1.2	Jumlah Kutipan Dana Wakaf Negeri Pahang, Pulau Pinang, Selangor dan Johor dari Tahun 2005 hingga 2015	10
Jadual 1.3	Jumlah Kutipan Serta Kadar Peningkatan dan Penurunan Kutipan Dana Wakaf Tunai Pulau Pinang dari tahun 1995 -2015	11
Jadual 1.4	Kajian Tingkah Laku Kepatuhan Zakat yang Menggunakan Kerangka Teori Lazim	17
Jadual 1.5	Kajian Tingkah Laku Berwakaf Tunai yang Menggunakan Kerangka Teori Lazim	18
Jadual 1.6	Hubung Kait antara Objektif Kajian dan Persoalan Kajian	25
Jadual 3.1	Ringkasan Maksud Niat dalam al-Qur'an	86
Jadual 3.2	Niat sebagai Azam dan Kehendak	95
Jadual 3.3	Azam dan Niat Merupakan Dua Bahagian daripada Niat	95
Jadual 3.4	Niat Merujuk kepada Hati dalam Karya Umar Sulaiman	97
Jadual 3.5	Niat Merujuk kepada Hati dalam Karya Abdullah Qari Salleh	98
Jadual 3.6	Niat Merujuk kepada Hati dalam Karya Yusuf al-Qarāḍawiy	98
Jadual 4.1	Senarai Informan	166
Jadual 4.2	Senarai Informan (Kesahan Kandungan)	169
Jadual 4.3	Maklumat Terperinci Soal Selidik	176
Jadual 4.4	Nilai Koefisien Korelasi bagi Setiap Item Soalan yang Dikaji	179
Jadual 4.5	Jadual bilangan Item Selepas Ujian Kesahan Instrumen	181
Jadual 4.6	Keputusan Kebolehpercayaan (<i>Cronbach Alpha</i>) untuk Setiap Faktor yang Dikaji	183
Jadual 4.7	Hubungan antara Objektif Kajian, Persoalan Kajian dan Kaedah Kajian	192

Jadual 5.1	Konstruk, Faktor dan Elemen Mempengaruhi Niat dalam Tingkah Laku Berwakaf Tunai.	215
Jadual 5.2	Maklum Balas Informan Terhadap Maksud Niat	220
Jadual 5.3	Maklum Balas Informan Terhadap Ilmu	228
Jadual 5.4	Maklum Balas Informan Terhadap Elemen dalam Faktor Pengetahuan	233
Jadual 5.5	Maklum Balas Informan Terhadap Faktor Kemampuan	235
Jadual 5.6	Maklum Balas Informan Terhadap Faktor Kemampuan	237
Jadual 5.7	Maklum Balas Informan Terhadap Elemen dalam Faktor Kepatuhan Agama	241
Jadual 5.8	Maklum Balas Informan Terhadap Elemen dalam Faktor Ganjaran	242
Jadual 5.9	Maklum Balas Informan Terhadap Elemen dalam Faktor Kesedaran	244
Jadual 5.10	Maklum Balas Informan Terhadap Elemen dalam Faktor Ukhuwah	247
Jadual 5.11	Nilai Informan Terhadap Item Pengukuran Iman dan Takwa	254
Jadual 5.12	Nilai Informan Terhadap Item Pengukuran Ibadah	256
Jadual 5.13	Nilai Informan Terhadap Item Pengukuran Ganjaran	257
Jadual 5.14	Nilai Informan Terhadap Item Pengukuran Kesedaran	259
Jadual 5.15	Nilai Informan Terhadap Item Pengukuran Ukhuwah	260
Jadual 5.16	Nilai Informan Terhadap Item Pengukuran Pengetahuan	262
Jadual 5.17	Nilai Informan Terhadap Item Pengukuran Kemudahan	264
Jadual 5.18	Nilai Informan Terhadap Item Pengukuran Kemampuan	265
Jadual 5.19	Nilai Informan Terhadap Item Pengukuran Niat	266
Jadual 5.20	Nilai Informan Terhadap Item Pengukuran Niat (Maksud)	268
Jadual 5.21	Nilai Informan Terhadap Item Pengukuran Tingkah Laku Berwakaf Tunai	269

Jadual 5.22	Faktor dan Item-Item Soalan Sebelum dan Selepas Pengesahan Informan	270
Jadual 6.1	Profil Demografi Responden	277
Jadual 6.2	Profil Pewakaf Tunai	284
Jadual 6.3	Statistik Deskriptif Instrumen	286
Jadual 6.4	Hasil Analisis Faktor Tunggal Harman's	291
Jadual 6.5	Analisis Korelasi Separa	293
Jadual 6.6	Analisis Kaedah Lindell dan Whitney	294
Jadual 6.7	Analisis Korelasi Matrik	295
Jadual 6.8	Nilai Loading, CR dan AVE	298
Jadual 6.9	Nilai VIF	303
Jadual 6.10	<i>Loading</i> Silang	307
Jadual 6.11	Kriteria Fornell dan Larcker	309
Jadual 6.12	HTMT	310
Jadual 6.13	Nilai VIF	311
Jadual 6.14	Nilai Koefisien Jalur, F^2 dan Q^2	315
Jadual 6.15	Hipotesis Kajian	319
Jadual 6.16	Keputusan Hipotesis	320
Jadual 6.17	Analisis Hipotesis Niat Berwakaf Tunai	321
Jadual 6.18	Analisis Hipotesis Tingkah Laku Berwakaf Tunai	323
Jadual 6.19	Kedudukan Konstruk Mengikut Kebesaran Pengaruh	324
Jadual 6.20	Kedudukan Konstruk Berdasarkan Nilai F^2	324
Jadual 6.21	Kedudukan Konstruk Berdasarkan Nilai q^2	325
Jadual 6.22	Hubungan Mediator	331
Jadual 6.23	Analisis Hipotesis Hubungan Mediator	332
Jadual 6.24	Analisis Pengaruh Mediator	333

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 1.1	Jumlah Kutipan Serta Kadar Peningkatan dan Penurunan Kutipan Dana Wakaf Tunai Pulau Pinang dari Tahun 1995 -2015	12
Rajah 3.1	Model Kaitan Kepercayaan, Sikap dan Niat Terhadap Objek	76
Rajah 3.2	Teori Tindakan Beralasan	78
Rajah 3.3	Teori Perlakuan Terancang	79
Rajah 3.4	Tujuan Manusia Diciptakan	112
Rajah 3.5	Hubungan Iman dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Manusia	117
Rajah 3.6	Model Motivasi Takwa	120
Rajah 3.7	Ringkasan Proses Pembentukan Niat dan Tingkah Laku	126
Rajah 3.8	Kerangka Konseptual Konsep Niat dalam Tingkah Laku Berteraskan Islam	128
Rajah 3.9	Kerangka Konseptual Konsep Pemberian Amal dalam Islam	149
Rajah 3.10	Kerangka Konseptual Kajian	153
Rajah 4.1	Analisis <i>Power</i>	173
Rajah 4.2	Prosedur Kajian	196
Rajah 5.1	Kerangka Konseptual Konsep Niat dalam Tingkah Laku Berwakaf Tunai	217
Rajah 5.2	Maksud Niat	219
Rajah 5.3	Elemen Ilmu	228
Rajah 5.4	Elemen Kemampuan	234
Rajah 5.5	Kerangka Konseptual Konsep Niat dalam Tingkah Laku Berwakaf Tunai Selepas Pandangan Informan	251
Rajah 5.6	Kerangka Konseptual Spesifik Kajian	252
Rajah 6.1	Analisis Kenormalan Data	289
Rajah 6.2	Analisis Pertindihan (<i>Redundancy</i>)	302

SENARAI SINGKATAN

AVE	<i>Average Variance Explain</i>
CA	<i>Cronbach Alpha</i>
CR	<i>Critical Ratio</i>
F2	<i>Effect Size</i>
H	Hipotesis
HTMT	<i>Heterotrait-Monotrait Ratio of Correlation</i>
IRS	<i>Islamic Religiosity Scale</i>
IROS	<i>Islamic Religious Orientation Scale</i>
ISDQ	<i>Islamic Spiritual Disposition Questionnaire</i>
JAWHAR	Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji
KAPF	<i>Kuwait Awqaf Public Foundation</i>
MAIJ	Majlis Agama Islam Johor
MAIK	Majlis Agama Islam Kelantan
MAIM	Majlis Agama Islam Melaka
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
MAINPP	Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
MAINS	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan
MAIPs	Majlis Agama Islam Perlis
MAIS	Majlis Agama Islam Negeri Selangor
MARS	<i>Muslim Attitude towards Religiosity</i>
MUIP	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang

MRPI	Muslim Religiosity-Personality Inventory
MWCDA	<i>Mudharabah Waqf Cash Deposit Account</i>
PLS-SEM	Partial Least Square – Structural Equation Model
PMIR	<i>Psychological Measure of Islamic Religiousness</i>
PPBMMI	<i>Penentu Pemilihan Bank Menurut Muslim Ideal</i>
Q ²	<i>Cross-Validated Redundancy</i>
R ²	<i>Coefficient of Ditermination</i>
RoIS	<i>Muslim Piety Religiosity of Islamic Scale</i>
Rp	Rupiah
RM	Ringgit Malaysia
ROS	<i>Religiosity Orientation Scale</i>
SAW	<i>Ṣalla 'Llāhu 'alayh wa Sallam</i> (Semoga Allah SWT memberkati dan merahmatinya)
SEM SMART-PLS	<i>Structural Equation Model SMART- Partial Least Square</i>
SIBL	<i>Social Investment Bank Limited</i>
S-MPBS	<i>Short Muslim Practice and Believe</i>
SPSS	<i>Statistical Package for Sosial Sciences</i>
SWT	<i>Subḥānahu wa Ta'ālā</i> (Maha Suci dan Maha Agung)
TTB	Teori Tindakan Beralasan
TPT	Teori Perlakuan Terancang
TWI	Tabung Wakaf Indonesia
VIF	<i>Variance Inflation Factor</i>
YWM	Yayasan Waqaf Malaysia

PANDUAN TRANSLITERASI

HURUF RUMI	HURUF ARAB	HURUF RUMI	HURUF ARAB
t	ط	-	ا
z	ظ	b	ب
'	ع	t	ت
gh	غ	th	ث
f	ف	j	ج
q	ق	h	ح
k	ك	kh	خ
l	ل	d	د
m	م	dh	ذ
n	ن	r	ر
w	و	z	ز
h	هـ	s	س
'	ء	sy	ش
y	ي	ş	ص
ṭ	ة	ḍ	ض

PENDEK		PANJANG		DIFTONG	
a	ـَ	ā	آ	ay	أَيَّ
i	ـِ	ī	إِيَّ	aw	أَوْ
u	ـُ	ū	أُوَّ		

Sumber: Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Rumi, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (1992)

**PENGARUH NIAT TERHADAP TINGKAH LAKU BERWAKAF TUNAI
DALAM KALANGAN MUSLIM DI PULAU PINANG**

ABSTRAK

Pulau Pinang merupakan antara negeri yang terawal mengamalkan wakaf tunai. Namun, sehingga kini jumlah kutipan dana wakaf tunai Pulau Pinang masih rendah dan tidak konsisten. Keadaan ini boleh dikenal pasti dari aspek pewakaf itu sendiri iaitu tingkah laku pewakaf yang memberikan wakaf tunai secara tidak konsisten. Oleh itu, aspek tingkah laku tidak konsisten pewakaf tunai di Pulau Pinang perlu dikaji. Umumnya dalam mengkaji tingkah laku konsistensi terdapat empat konsep yang sering digunakan iaitu konsep niat, kepercayaan, persepsi dan sikap. Daripada empat konsep tersebut, konsep niat telah menjadi tumpuan dan memelopori kajian tingkah laku termasuk kajian tingkah laku pewakaf tunai. Persoalannya, adakah niat mempengaruhi tingkah laku pewakaf tunai? Justeru, kajian ini bertujuan untuk mencapai tiga objektif. Pertama, mengenal pasti konsep niat dalam tingkah laku berwakaf tunai. Kedua, menganalisis hubungan langsung antara faktor-faktor yang mempengaruhi niat dalam tingkah laku berwakaf tunai terhadap niat dan tingkah laku berwakaf tunai dalam kalangan Muslim di Pulau Pinang. Ketiga, merumuskan pengaruh niat terhadap tingkah laku berwakaf tunai dalam kalangan Muslim di Pulau Pinang. Ketiga-tiga objektif kajian tersebut dicapai menggunakan reka bentuk kajian penerokaan dan deskriptif yang dibahagikan kepada dua fasa. Data dalam kajian ini dikumpulkan menggunakan kaedah kajian dokumen, temu bual separa berstruktur dan pengedaran borang soal selidik dan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif dan analisis statistik dengan bantuan perisian statistik IBM SPSS dan SMART-PLS. Hasil kajian di fasa

pertama ialah pembentukan konsep niat dalam tingkah laku berwakaf tunai yang dibina berpandukan konsep niat dalam tingkah laku berteraskan Islam dan konsep pemberian amal dalam Islam. Terdapat tujuh konstruk utama konsep niat dalam tingkah laku berwakaf tunai iaitu iman, ilmu, kemampuan, kehendak, ganjaran, kesedaran dan ukhuwah yang dibawa kepada sekumpulan pakar untuk pengesahan. Seterusnya, satu soal selidik dibentuk untuk fasa kedua kajian. Seramai 395 orang pewakaf tunai di Pulau Pinang telah terlibat dalam fasa kedua kajian dan dengan bantuan perisian statistik IBM SPSS dan SMART-PLS hasil kajian menunjukkan faktor kemampuan, kemudahan, kepatuhan agama, pengetahuan dan ukhuwah berhubung langsung terhadap niat berwakaf tunai manakala hanya faktor kemampuan dan niat yang berhubung secara langsung terhadap tingkah laku berwakaf tunai. Hubungan tidak langsung pula menunjukkan niat menjadi mediator dalam hubungan antara faktor kemampuan, kemudahan, kepatuhan agama, pengetahuan dan ukhuwah terhadap tingkah laku berwakaf tunai. Berdasarkan dapatan tersebut dapatlah dirumuskan bahawa niat mempengaruhi tingkah laku berwakaf tunai dalam kalangan Muslim di Pulau Pinang sebagai mediator.

THE INFLUENCE OF INTENTION ON CASH WAQF BEHAVIOUR AMONG MUSLIM IN PENANG

ABSTRACT

Penang is amongst the earliest state to practice cash waqf. However, the total collection of cash waqf fund in Penang is still low and inconsistent until now. The inconsistency of fund collected can be seen from the *wāqif* perspective itself who give cash waqf inconsistently. Therefore, the inconsistent aspect of *wāqif* behaviour need to be studied in depth. Generally, in studying consistency behaviour there are four concept being used which are intention, belief, perception and attitude. However, Intention has become the main focus compared to the four concept and being applied in behaviour study including cash waqf behaviour. The question is, is intention influencing cash waqf behaviour? Therefore, this study aims to achieve three objectives. Firstly, to identify the concept of intention in cash waqf behaviour. Secondly, to analyse the direct relationship between factors influencing intention in cash waqf behaviour on intention and cash waqf behaviour among Muslim in Penang. Thirdly, to conclude the influence of intention on cash waqf behaviour among Muslims in Penang. The three objectives of the study were achieved using exploratory and descriptive research designs and divided into two phases. Data in this study were collected using the documentation method, semi structured interview and questionnaire distribution and were analysed with qualitative content analysis and statistical analysis using IBM SPSS statistical software and SMART-PLS. The first phase of the study has developed cash waqf behavioural intention concept based on the Islamic-based behavioural intention concept and Islamic charitable giving concept. With respect to the results, seven major constructs of cash waqf behavioural

intention concept were developed, namely *iman*, knowledge, ability, will (intention), reward, awareness and *ukhuwah* were referred to a group of experts for deliberation and confirmation. Next, a questionnaire was developed for the second phase of the study. In the second phase, 395 Penang cash waqf givers were involved and with the use of IBM SPSS statistics and SMART-PLS, the result showed factors of ability, convenience, religious compliance, knowledge and *ukhuwah* has a significant relationship with intention while only the ability and intention indicated significant relationships with cash waqf behaviour. For indirect effect, intention is proved as mediator between the relationship of ability, convenience, religious compliance, knowledge and *ukhuwah* with cash waqf behaviour. Based on the finding, intention can be concluded to influence the cash waqf behaviour among Muslim in Penang as mediator.

BAB 1

Pengenalan

1.1 PENDAHULUAN

Kajian ini secara umum bertujuan untuk mengkaji pengaruh niat terhadap tingkah laku berwakaf tunai. Secara lebih khusus, kajian ini berhasrat untuk membentuk kerangka konseptual konsep niat dalam tingkah laku berwakaf tunai yang kemudiannya dijadikan alat analisis untuk menentukan pengaruh niat terhadap tingkah laku berwakaf tunai. Hasilnya akan menjelaskan sama ada niat menjadi mediator terhadap tingkah laku berwakaf tunai atau tidak. Oleh itu, perbincangan dalam bab pertama ini akan tertumpu kepada latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, persoalan kajian, definisi operasional, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian, sumbangan kajian, organisasi kajian dan kesimpulan.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Wakaf tunai ialah suatu bentuk wakaf harta alih yang ditubuhkan menggunakan wang tunai untuk manfaat ummah secara umum (Baharudin Sayin, Asmak Ali & S. Salahudin Suryono, 2006; Amirul Faiz Osman, Sheila Nu Nu Htay & Mustafa Omar Muhammad, 2012). Bentuk wakaf ini merujuk kepada berwakaf menggunakan wang tunai yang dikumpulkan dalam satu tabung amanah dan diuruskan oleh nazir yang diamanahkan untuk mengurus wakaf tersebut bagi tujuan membiayai aktiviti dan kebajikan amal jariah. Dana yang dikumpulkan kemudiannya ditukar kepada harta

kekal yang akan dimanfaatkan untuk kebajikan dan kepentingan masyarakat (Azri Ahmad, 2008; M. Khademolhoseini, 2013; Muhammad Sofiyuddin Zakaria & Mohd Zamro Muda, 2015).

Walaupun wakaf tunai telah lama diamalkan namun sejarah awal kemunculan wakaf tunai tidak dapat ditentukan dengan tepat melainkan hanya dapat dikesan pada kurun kelapan berdasarkan kepada fatwa yang dikeluarkan oleh Imam Zufar tentang kesahan wakaf tunai serta cara menguruskan wakaf tunai (Murat Cizakca, 2011:3). Sepanjang tempoh selepas itu, sehinggalah kepada awal kurun ke-15, seolah-olah tidak terdapat sebarang perkembangan wakaf tunai dalam tamadun Islam berbanding di Eropah yang terkenal dengan *hauptgeldstifung*¹ dan *kapitalstifung*². Menjelang tahun 1388, *Hauptgeldstifung* berkembang pesat membentuk *Rahmenstifung*³ sehingga kurun ke-14 (Leeuwen, 1999:110).

Wakaf tunai pula hanya muncul semula dalam tamadun Islam pada awal kurun ke-15 iaitu pada zaman Kerajaan ‘Uthmāniyyat. Oleh itu, jurang maklumat yang luas sepanjang kurun kelapan sehinggalah kurun ke-14 menimbulkan tanda tanya adakah wakaf tunai dalam Kerajaan ‘Uthmāniyyat dipengaruhi oleh perkembangan *endowment* di Eropah atau penerusan kepada wakaf tunai yang diamalkan sebelum ini (Murat Cizakca, 2011:3). Menurut Mandaville (1979), tiada rekod yang dapat menjadi bukti bahawa amalan wakaf tunai dijalankan sebelum pemerintahan Khalifah ‘Uthmāniyyat sehinggalah pada kurun ke-15 yang bermula di Edirne, Turki.

¹ Merujuk kepada *endowment* (Murat Cizakca, 2011:3)

² Merujuk kepada *endowment* (Murat Cizakca, 2011:3)

³ Yayasan konglomerat (Murat Cizakca, 2011:3)

Namun, selepas keruntuhan Kerajaan ‘Uthmāniyyat, wakaf tunai juga mengalami kesan yang sama terutamanya pada awal kurun ke-19 sehingga pertengahan kurun ke-20 apabila wakaf hanya dikaitkan dalam konteks yang terhad iaitu wakaf dengan harta seperti tanah perkuburan, masjid, madrasah dan tanah. Hal ini disebabkan oleh kesan penjajahan Barat ke atas negara-negara Islam yang menyebabkan pengurusan wakaf menjadi lemah. Kesannya menyebabkan wakaf tidak berkembang di negara-negara Islam sehingga membawa kepada penghapusan secara terus terhadap institusi wakaf (Razali Othman, 2010; Suhrawardi K. Lubis, 2010).

Perkembangan wakaf harta kekal yang tidak menyeluruh, perlahan dan terhad untuk manfaat umat Islam serta masalah kekurangan sumber kewangan dan pengurusan yang lemah telah mendorong usaha membangunkan semula wakaf tunai (Razali Othman, 2013a; Farhana Mohamad Suhaimi & Asmak Ab Rahman, 2012). Hal ini dapat dilihat di beberapa buah negara Islam yang telah memperkenalkan wakaf tunai antaranya Bangladesh yang memperkenalkan produk Sijil Wakaf Tunai pada tahun 1995 melalui *Social Investment Bank Limited* (SIBL) (Hishamuddin Mohd Ali, Megat Mohd Ghazali Megat A. Rahman & Asiah Othman, 2006). Selain itu, *Islamic Bank* Bangladesh turut menawarkan wakaf tunai yang dikenali sebagai *Mudārabat Waqf Cash Deposit Account* (MWCDA) pada tahun 2006. Sementara di Indonesia, wakaf tunai mula dilaksanakan pada tahun 2002 melalui Dompot Duafa Republika dengan penubuhan Tabung Wakaf Indonesia (TWI) manakala di Kuwait melalui *Kuwait Awqaf Public Foundation* (KAPF) pada tahun 1993 (Abdul Halim Ramli & Kamarulzaman Sulaiman, 2006). Selain Indonesia, wakaf tunai juga turut mendapat perhatian Singapura dan Brunei di rantau Asia Tenggara (Muhammad Fathullah Al-Haq, Muhammad Asni & Jasni Sulong, 2015). Tidak ketinggalan wakaf tunai turut

diamalkan di Malaysia. Tujuannya adalah untuk membangunkan semula harta wakaf sedia ada di samping mewujudkan harta-harta baharu (Razali Othman, 2014:112).

1.2.1 Perkembangan Wakaf Tunai di Malaysia

Pada peringkat awal, wakaf tunai di Malaysia kurang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat. Walaupun amalan wakaf tunai sebenarnya telah lama diamalkan dalam bentuk pemberian derma untuk membeli tanah wakaf masjid, bahan-bahan binaan masjid, surau dan Madrasah. Namun begitu, masyarakat lebih cenderung untuk mewakafkan harta kekal terutamanya tanah untuk tujuan pembinaan masjid, surau, sekolah agama dan juga tanah perkuburan (Nadiyah Zulkiflee, Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad, 2015; Siti Mashitoh Mahamood, 2007). Walau bagaimanapun, kebelakangan ini terdapat perkembangan yang baik berlaku dalam wakaf tunai contohnya di Negeri Selangor yang aktif mempelbagaikan produk wakaf untuk menggalakkan penyertaan dalam wakaf tunai dan juga hampir kesemua negeri di Malaysia telah mempunyai skim wakaf tunai tersendiri (Hasliza Talib, Nazneen Ismail & Nurzatii Ismah Azizan, 2014).

Wakaf tunai dibenarkan secara rasmi di Malaysia pada tahun 2007 selepas persidangan Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-77 yang bersidang pada 10 hingga 12 April 2007 di Kuala Terengganu. Walaupun begitu, wakaf tunai sebenarnya telah bermula lebih awal lagi seperti di Negeri Perak yang telah memulakan skim wakaf tunai pada tahun 1959 melalui peruntukan statutori peraturan 18(2), Peraturan Kawalan Wakaf 1959 yang membenarkan Jawatankuasa Kawalan Wakaf Negeri menerima wang tunai daripada sesiapa yang

berhajat untuk berwakaf. Pada tahun 2015, Wakaf Perak telah dijenamakan semula menjadi Wakaf Perak Ar-Ridzuan seperti yang termaktub dalam Enakmen Wakaf Perak 2015. Kemudian diikuti oleh Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) yang telah melancarkan Skim Saham Wakaf Johor di bawah Enakmen 16 Pentadbiran Agama Islam Johor sejak tahun 1993 dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) yang memperkenalkan skim wakaf tunai pada tahun 1994. Seterusnya diikuti oleh negeri-negeri lain iaitu Negeri Sembilan, Terengganu dan Selangor (Siti Mashitoh Mahamood, 2007; Farhana Mohamad Suhaimi & Asmak Ab Rahman, 2012). Perbezaan dalam memulakan wakaf tunai di setiap negeri disebabkan oleh pelaksanaan dan pembangunan wakaf tunai di peringkat negeri dilakukan oleh Majlis Agama Islam Negeri masing-masing yang ditentukan oleh ketua agama di negeri masing-masing (Razali Othman, 2014).

Negeri kedua yang melaksanakan wakaf tunai ialah Negeri Johor. Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) telah melancarkan Skim Saham Wakaf Johor di bawah Enakmen 16 Pentadbiran Agama Islam Johor sejak tahun 1993 lagi. Konsepnya masih mewakafkan wang tunai untuk membeli saham dan mewakafkan sijil saham tersebut kepada MAIJ (Nooh Gadot, 2006). Pulau Pinang pula merupakan negeri ketiga yang memperkenalkan wakaf tunai iaitu pada 30 Disember 1994 dengan penubuhan Skim Saham Wakaf Pulau Pinang. Skim ini telah ditubuhkan untuk mengatasi pertelingkahan terhadap tanah wakaf yang tidak berjaya diusahakan dan dimajukan oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri. Selain itu, skim ini juga bertujuan untuk membeli aset wakaf kekal lain seperti tanah, bangunan dan rumah wakaf (Farhana Mohamad Suhaimi, 2011). Pada 18 Oktober 2002, skim ini ditukarkan kepada Skim Dana Wakaf Pulau Pinang (Muhammad Salleh Abdullah, 2009).

Seterusnya Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) telah melancarkan Saham Wakaf Pahang pada 20 Disember 1998 yang dikawal selia oleh Jawatan Kuasa Tabung Amanah Saham Wakaf Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, 2013). Majlis Agama Islam Negeri Selangor (MAIS) pula telah diberikan kebenaran untuk menerima wakaf tunai sebagai harta yang diwakafkan dalam Kumpulan Wang Wakaf Negeri Selangor di bawah Enakmen 7 Wakaf Negeri Selangor Tahun 1999 Seksyen 39 (Enakmen Wakaf Negeri Selangor, 1999). Konsepnya berbentuk penjualan lot yang diwakafkan kepada MAIS sebagai pemegang amanah. Seterusnya diikuti oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) yang telah menetapkan hukum harus untuk mewakafkan tunai menerusi Enakmen No.5 Wakaf Negeri Sembilan 2005 Seksyen 11 (1)(a) berkaitan Skim Wakaf (Enakmen Wakaf Negeri Sembilan, 2005). Melalui peruntukan ini, Skim Wakaf Tunai Negeri Sembilan telah ditawarkan dalam bentuk unit saham yang dijual kepada orang ramai dan kemudiannya sijil saham tersebut diwakafkan kepada MAINS. Wakaf tunai Negeri Melaka juga ditubuhkan pada tahun 2005 melalui Enakmen Wakaf Negeri Melaka 2005. Seterusnya Terengganu juga turut melancarkan Skim Wakaf Tunai Terengganu berdasarkan kepada fatwa khas yang telah mengharuskan hukum berwakaf tunai oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada tahun 2007 (Muhammad Fathullah Al-Haq Muhammad Asni & Jasni Sulong, 2015).

Seterusnya di pihak Kerajaan Persekutuan, telah menubuhkan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) pada 27 Mac 2004 bermatlamat untuk mengkoordinasi pengurusan dan pentadbiran harta wakaf, zakat dan urusan haji di seluruh negara agar lebih sistematik. Kemudiannya JAWHAR telah menubuhkan Yayasan Waqaf

Malaysia (YWM) pada 14 Februari 2008 yang bertanggungjawab untuk mengumpulkan dan menyatukan sumber-sumber wakaf untuk dijadikan sumber modal ekonomi wakaf (Muhammad Fathullah Al-Haq Muhammad Asni & Jasni Sulong, 2015; Farhana Mohamad Suhaimi & Asmak Ab Rahman, 2012). Seterusnya pada 31 Mac 2009 wakaf tunai Kedah pula dilancarkan (Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman, 2016) dan Perlis memulakan skim wakaf tunai pada tahun 2012. Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) pula memperkenalkan wakaf tunai pada 9 Jun 2013 (Muhammad Fathullah Al-Haq Muhammad Asni & Jasni Sulong, 2015).

Secara keseluruhannya, hampir keseluruhan Majlis Agama Islam di semenanjung Malaysia telah melaksanakan wakaf tunai. Walaupun terdapat perbezaan daripada segi makna dan kaedah perlaksanaan namun matlamat yang hendak dicapai daripadanya adalah sama. Jadual 1.1 menunjukkan perlaksanaan wakaf tunai di Majlis Agama Islam di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia mengikut tahun.

Jadual 1.1: Perlaksanaan Wakaf Tunai di Majlis Agama Islam Negeri di Semenanjung Malaysia Mengikut Tahun

Tahun Laksana	Majlis Agama Islam Negeri	Nama Skim	Bentuk Wakaf Tunai	Kadar Minimum
1959	Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak	Sijil Skim Wakaf Tunai Perak Dijenamakan semula sebagai Wakaf Perak Ar-Ridzuan pada tahun 2015	Wakaf secara tunai	RM1 (Tiada had)
1993	Majlis Agama Islam Negeri Johor	Skim Saham Wakaf Johor	Penjualan sijil saham secara tunai	RM10
1994	Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang	Skim Dana Wakaf Pulau Pinang	Wakaf secara tunai	RM5

Sambungan Jadual 1.1

1998	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang	Dana Wakaf Pahang	Wakaf secara tunai	RM5
1999	Majlis Agama Islam Negeri Selangor	Skim Wakaf Negeri Selangor	Penjualan lot-lot am secara tunai	RM10
2005	Majlis Agama Islam Negeri Melaka	Skim Wakaf Tunai MAIM	Wakaf secara tunai	Tiada Had
2005	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	Skim Wakaf Tunai Negeri Sembilan	Penjualan sijil saham secara tunai	RM10
			Wakaf secara tunai	Tiada had
			Penjualan saham secara tunai	RM10
2007	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu	Skim Wakaf Terengganu	Wakaf secara tunai	Tiada Had
			Penjualan sijil saham secara tunai	RM10
2008	Malaysia (YWM)	Skim Wakaf Tunai Malaysia	Wakaf secara tunai	RM10
2009	Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman	Skim Wakaf Tunai Kedah	Wakaf secara tunai	Tiada had
2012	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis	Skim Wakaf Tunai MAIPs	Wakaf secara tunai	Tiada had
2013		Wakaf Tunai MAIK	Wakaf secara tunai	Tiada had
			Penjualan sijil saham secara tunai	RM10

Sumber: Laman sesawang rasmi setiap Majlis Agama Islam Negeri

Umumnya kesemua Majlis Agama Islam Negeri di semenanjung Malaysia telah melaksanakan wakaf tunai. Berdasarkan Jadual 1.1, terdapat beberapa bentuk wakaf tunai yang telah diamalkan sama ada dalam bentuk tunai atau sijil saham dengan kadar minimum sumbangan yang tiada had. Selain daripada skim yang diuruskan

oleh Majlis Agama Islam Negeri terdapat juga skim-skim wakaf tunai korporat yang ditubuhkan atas usaha entiti korporat atau secara kerjasama antara syarikat korporat dan pihak berkuasa wakaf seperti Wakaf An-Nur dan Wakaf Selangor Muamalat. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya memfokuskan kepada skim wakaf tunai yang diuruskan oleh Majlis Agama Islam Negeri sahaja.

Berdasarkan Jadual 1.1 juga, terdapat lima buah negeri yang terawal memperkenalkan wakaf tunai sebelum tahun 2000 iaitu Negeri Perak, Johor, Pulau Pinang, Pahang dan Selangor. Namun, perkembangan wakaf tunai yang jelas hanya ditunjukkan oleh Negeri Johor, Pulau Pinang, Pahang dan Selangor sementara wakaf tunai Negeri Perak hanya kembali aktif selepas penguatkuasaan Enakmen Wakaf Perak 2015. Keempat-empat buah negeri ini menjadi tumpuan pengkaji kerana menunjukkan jurang kutipan dana yang berbeza. Walau bagaimanapun, data yang dapat dikumpulkan hanya bermula dari tahun 2005 adalah berdasarkan kepada dua justifikasi. Pertama, statistik kutipan dana wakaf yang didedahkan kepada umum adalah terhad. Kedua, untuk menunjukkan 10 tahun terakhir sebelum wakaf di Perak aktif semula pada tahun 2015. Jadual 1.2 menunjukkan jumlah kutipan dana wakaf bagi keempat-empat negeri tersebut dari tahun 2005 hingga tahun 2015.

Daripada keempat-empat negeri tersebut, Negeri Pahang dan Pulau Pinang menunjukkan perkembangan dana wakaf yang rendah berbanding Negeri Selangor dan Johor walaupun masing-masing merupakan negeri yang awal memperkenalkan wakaf tunai.

Jadual 1.2: Jumlah Kutipan Dana Wakaf Negeri Pahang, Pulau Pinang, Selangor dan Johor dari Tahun 2005 hingga 2015

Tahun	Pahang (RM)	Pulau Pinang (RM)	Selangor (RM)	Johor (RM)
2005	155,560.30	464,148.76	374,973.00	46,650.00
2006	104,099.76	37,608.65	455,317.00	132,860.00
2007	302,933.75	13,671.65	932,542.00	258,350.00
2008	111,897.76	51,177.23	970,330.00	1,059,730.00
2009	112,005.64	76,169.00	1,530,390.00	1,020,230.00
2010	101,737.23	112,586.91	944,879.00	1,112,000.00
2011	104,243.64	120,427.44	2,007,775.00	2,348,990.00
2012	129,502.79	104,770.29	11,653,216.00	2,773,270.00
2013	145,998.43	127,377.00	18,066,453.00	6,705,680.00
2014	270,218.32	783,480.95	26,380,357.00	7,086,930.00
2015	293,981.87	3,685,150.46	32,386,902.00	6,866,190.00

Sumber: Laman sesawang rasmi Dana Wakaf Pahang, Pulau Pinang, Selangor dan Johor

Jika dilihat kepada nisbah perbezaan bilangan penduduk, boleh dikatakan jumlah sumbangan yang tinggi di Negeri Selangor dan Johor disumbangkan oleh bilangan orang Islam yang lebih ramai di kedua-dua negeri tersebut namun keadaan yang berlaku di Pulau Pinang berbeza. Keadaan ini dijelaskan oleh Farhana Ahmad Suhaimi (2011) yang menyatakan masalah utama dalam kutipan dana wakaf tunai di Pulau Pinang ialah sumbangan yang tidak berterusan yang menjejaskan pengumpulan dana. Oleh itu, isu utama dalam senario wakaf tunai di Pulau Pinang ialah ketidakkonsistenan dalam gelagat pewakaf berwakaf tunai yang menyebabkan kutipan dana wakaf menjadi tidak menentu.

1.2.2 Senario Wakaf Tunai di Pulau Pinang


Walaupun Negeri Pulau Pinang antara yang terawal memperkenalkan wakaf tunai namun, jumlah kutipan dana wakaf tunai di Pulau Pinang masih menunjukkan

jumlah kutipan yang rendah dan tidak konsisten iaitu mengalami kenaikan dan penurunan yang tidak menentu (Muhammad Salleh Abdullah, 2009). Walau bagaimanapun, statistik dana wakaf semasa menunjukkan keadaan sedemikian hanya berlaku dalam tempoh dari tahun 2000 hingga tahun 2007. Selepas itu, dana wakaf tunai mula menunjukkan perkembangan yang semakin baik bermula dengan peningkatan dari tahun 2008 sehinggalah tahun 2015 kecuali pada tahun 2012 yang mencatatkan penurunan. Statistik kutipan serta kadar peningkatan dan penurunan kutipan dana wakaf tunai Pulau Pinang ditunjukkan seperti dalam Jadual 1.3. Rajah 1.1 pula menunjukkan secara grafik jumlah kutipan serta kadar peningkatan dan penurunan kutipan dana wakaf tunai Pulau Pinang

Jadual 1.3 Jumlah Kutipan Serta Kadar Peningkatan dan Penurunan Kutipan Dana Wakaf Tunai Pulau Pinang dari Tahun 1995 – 2015

Tahun	Jumlah Dana Terkumpul (RM)	Kadar Peningkatan (+) / Penurunan (-)
1995 - 1999	711,511.91	-
2000	39,287.65	-
2001	159,737.80	+120,450.15
2002	7,353.00	-152,384.80
2003	34,118.39	+26,765.39
2004	5,306.12	-28,882.27
2005	464,148.76	+458,842.64
2006	37,608.65	-426,540.11
2007	13,671.65	-23,937.00
2008	51,177.23	+37,505.58
2009	76,169.00	+24,991.77
2010	112,586.91	+36,417.91
2011	120,427.44	+7,840.53
2012	104,770.29	-15,657.15
2013	127,377.00	+22,606.71
2014	783,480.95	+656,103.95
2015	3,685,150.46	+2,901,669.51

Sumber: Bahagian Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang



Petunjuk: ■ Jumlah Kutipan
—▲— Kadar Peningkatan dan Penurunan

Rajah 1.1: Jumlah Kutipan Serta Kadar Peningkatan dan Penurunan Kutipan Wakaf Tunai Pulau Pinang dari Tahun 1995 -2015

Berdasarkan Jadual 1.3 dan Rajah 1.1, jumlah kutipan dan kadar peningkatan dan penurunan kutipan dana wakaf tunai dari tahun 1995 sehingga tahun 2007 jelas menunjukkan corak kutipan yang tidak konsisten. Bermula pada tahun 1995 hingga 1999 jumlah kutipan ialah sebanyak RM711,511.91 untuk tempoh lima tahun tersebut. Secara purata, dalam tempoh tersebut sebanyak RM14,230.38 dikutip setiap tahun. Jumlah tersebut walau bagaimanapun menurun pada tahun 2000 sebelum meningkat pada tahun 2001. Jumlah tersebut kembali menurun pada tahun 2002 sebelum mencatat peningkatan pada tahun 2003. Pada tahun 2004, kutipan dana wakaf tunai mencatat penurunan semula sebelum mencatat peningkatan yang drastik

pada tahun 2005 disebabkan oleh pelancaran dana wakaf yang dilakukan pada 17 Julai 2005 (Muhammad Salleh Abdullah, 2009). Selepas itu, pada tahun 2006 penurunan yang drastik berlaku dalam jumlah kutipan wakaf tunai apabila mencatat penurunan daripada RM464,148.76 yang berjaya dikutip pada tahun sebelumnya kepada hanya RM37,608.65. Jumlah kutipan tersebut kemudian menurun dengan lebih teruk pada tahun 2007 dengan hanya mencatat RM13,671.65 jumlah kutipan. Walau bagaimanapun, kutipan dana wakaf tunai Pulau Pinang mula mengalami peningkatan selepas tahun 2008 sehingga mengalami penurunan semula pada tahun 2012 dan kembali meningkat secara berterusan bermula pada tahun 2013 hingga 2015. Dari tahun 2013 sehingga tahun 2015 corak kutipan dana wakaf tunai Pulau Pinang mula menunjukkan perkembangan yang semakin baik disebabkan oleh peningkatan dalam pengurusan iaitu melalui penambahan kakitangan dan usaha mempelbagaikan kaedah sumbangan.

Peningkatan berterusan bermula pada tahun 2013 adalah disebabkan oleh peningkatan dalam aspek pengurusan terutamanya penambahan kakitangan pengurusan serta peningkatan aktiviti promosi. Walau bagaimanapun, keadaan ini berbeza dengan keadaan sebelum tahun 2008 apabila keadaan tidak konsisten berlaku disebabkan oleh masalah pengumpulan dana. Perkara ini dijelaskan oleh Farhana Ahmad Suhaimi (2011) yang menyatakan bahawa sumbangan yang tidak berterusan oleh pewakaf tunai di Pulau Pinang telah menjejaskan pengumpulan dana wakaf tunai. Oleh itu, kedua-dua fasa kutipan dana wakaf ini berbeza kerana sebelum tahun 2013 isunya berkaitan keberterusan pewakaf berwakaf tunai manakala selepas tahun 2013 isunya berkaitan peningkatan bilangan pewakaf tunai. Walau bagaimanapun isu sebelum tahun 2013 masih perlu diberikan perhatian kerana kajian

yang dilakukan oleh Fuadah Johari, Nor Masitah Mohd Orip, Zurina Kefeli @ Zulkefli, Muhammad Ridhwan Ab. Aziz, Fauzi Abu Hussin, Patmawati Ibrahim, Kalsom Abd Wahab, Nursilah Ahmad, Mohammad Haji Alias, Syadiyah Abdul Shukor dan Asma Abdul Rahman (2014) menunjukkan bahawa niat untuk terus berwakaf hanya ditunjukkan oleh 51 peratus responden manakala selebihnya menunjukkan bahawa responden tidak berniat untuk terus berwakaf tunai. Keadaan ini menjelaskan mengapa jumlah kutipan dana wakaf tunai menjadi tidak konsisten apabila terdapatnya golongan masyarakat yang berwakaf secara tidak berterusan.

Selain itu, keadaan tidak konsisten di Pulau Pinang tersebut menunjukkan terdapatnya isu kesetiaan⁴ pewakaf iaitu pewakaf yang tidak konsisten untuk berwakaf tunai (Farhana Ahmad Suhaimi, 2011). Menurut Geller (1996), konsistensi dipengaruhi oleh unsur dalaman diri individu yang akan mengarah kepada berlakunya tingkah laku. Unsur dalaman tersebut termasuklah niat, kepercayaan, persepsi dan sikap yang memberikan kesan kepada motivasi untuk menjadi konsisten. Oleh itu, keadaan yang berlaku dalam kutipan dana wakaf tunai Pulau Pinang mungkin dipengaruhi oleh unsur dalaman tersebut.

1.2.3 Perkembangan Konsep Niat dalam Tingkah Laku

Di antara empat aspek dalaman yang mempengaruhi tingkah laku yang konsisten tersebut, aspek niat dikenal pasti menjadi tumpuan pengkaji tingkah laku. Secara umum aspek niat dalam tingkah laku telah menjadi perbincangan penting oleh

⁴ Menurut Farhana Ahmad Suhaimi (2011), isu kesetiaan pewakaf merujuk kepada keberterusan pewakaf untuk terus berwakaf iaitu tidak hanya berwakaf sekali sahaja. Oleh itu, beberapa program kesetiaan pewakaf dicadangkan bagi meningkatkan sumbangan dalam Skim Dana Wakaf Pulau Pinang.

sarjana Barat dan menjadi rujukan dalam pengkajian tingkah laku terutamanya teori niat dalam tingkah laku yang dibina oleh Ajzen dan Fishbein dan mempelopori banyak kajian tentang niat dalam tingkah laku (Southey, 2011; Odgen, 2012).

Konsep niat dalam tingkah laku bermula selepas kegagalan konsep sikap untuk menjelaskan sesuatu tingkah laku. Hal ini kerana, kebanyakan kajian yang dilakukan mendapati hubungan yang lemah atau tidak signifikan antara sikap dan tingkah laku (Ajzen & Fishbein, 1973). Seinggalah menjelang tahun 1976, hasil penelitian yang dilakukan terhadap pengkajian sikap dan tingkah laku sebelum ini membawa kepada satu kesimpulan bahawa sikap bukan penentu terus kepada tingkah laku sebaliknya hanya salah satu daripada faktor yang menentukan sesuatu tingkah laku (Ajzen & Fishbein, 1977). Secara umum, sikap mempengaruhi pandangan individu terhadap sesuatu objek secara keseluruhan tetapi tidak menentukan sebarang tindakan dilakukan (Liska, 1984). Oleh itu, terdapatnya suatu faktor lain yang menghubungkan antara sikap dan tindakan iaitu niat. Seterusnya, Fishbein dan Ajzen melakukan kajian lanjutan terhadap Teori Kawalan Usulan (*Theory of Propositional Control*) yang diasaskan oleh Dulany pada tahun 1967 untuk memahami fungsi niat dalam tingkah laku manusia (Ajzen, 1971).

Lanjutan daripada Teori Kawalan Usulan tersebut, kedudukan niat yang dianggap sebagai proksi kepada tingkah laku telah menjadi perhatian (Ajzen, 1971). Teori ini mewujudkan andaian bahawa niat individu untuk melakukan sebarang tingkah laku ialah hasil tindak balas bersama sikapnya untuk melakukan tingkah laku dan kepercayaan terhadap tanggapan orang lain tentang apa yang perlu dilakukan dalam situasi tertentu (Ajzen & Fishbein, 1977). Secara langsung niat seseorang merupakan

fungsi kepada sikapnya untuk melakukan tingkah laku dan juga norma subjektif yang mempengaruhi sesuatu tingkah laku dilakukan. Hal ini menyebabkan kajian-kajian yang mengkaji hubungan sikap dengan tingkah laku yang dilakukan sebelum ini tidak menemukan hubungan yang kuat kerana apa yang perlu diukur ialah niat dalam tingkah laku yang menjadi salah satu kriteria penentu kepada tingkah laku sebenar (Ajzen & Fishbein, 1973; 1977). Kesimpulannya, sesuatu tingkah laku boleh ditentukan oleh sikapnya terhadap tingkah laku tersebut, dibantu oleh wujudnya korelasi yang tinggi antara niat dengan tingkah laku sebenar.

Selain daripada sikap, Fishbein dan Ajzen (1975:16) mencadangkan satu konstruk tambahan diperlukan untuk menjelaskan hubungan antara sikap dengan tingkah laku kerana kecenderungan sikap terhadap sesuatu tingkah laku mungkin tidak menjadi tingkah laku sebenar kerana wujud tekanan luaran untuk tidak melakukan sesuatu tingkah laku. Fishbein dan Ajzen (1975:16) mencadangkan selain daripada konstruk sikap, norma subjektif juga mempengaruhi tingkah laku. Norma subjektif wujud melalui kepercayaan terhadap orang lain yang berpendapat individu perlu melakukan tingkah laku tersebut dan mewujudkan tekanan normatif yang akhirnya menyebabkan individu melakukan sesuatu tingkah laku.

Walau bagaimanapun, Teori Tindakan Beralasan (TTB) dibentuk untuk meramal tingkah laku yang berkemahuan atau tingkah laku yang mampu dilakukan oleh individu yang mempunyai kawalan terhadap tingkah laku tersebut sahaja. Sedangkan banyak tingkah laku yang memerlukan kepada keupayaan, kemahiran, peluang atau bantuan untuk menjayakan suatu tingkah laku (Liska, 1984). Contohnya individu mungkin tidak berniat untuk melakukan sesuatu tingkah laku melainkan perlakuan

tingkah laku tersebut dianggap berada di bawah kawalannya atau berjaya menguatkuasakan niat untuk bertingkah laku dan mempunyai kawalan terhadap tingkah laku tersebut.

Bagi mengatasi perkara tersebut, Ajzen menambah faktor kawalan gelagat ditanggap dan membentuk Teori Perlakuan Terancang (TPT). Teori ini mencadangkan kawalan gelagat ditanggap adalah penentu tambahan kepada niat bersama-sama sikap dan norma subjektif (Ajzen, 1985) Teori ini mengutamakan niat sebagai penentu tingkah laku dan juga menyatakan bahawa kawalan gelagat ditanggap boleh meramal gelagat secara terus atau menyederhanakan hubungan antara niat dengan sesuatu tingkah laku kerana kawalan gelagat ditanggap menggambarkan dengan tepat jumlah kawalan sebenar seseorang untuk bertingkah laku (Ajzen & Madden, 1986).

Selain daripada kajian niat dalam tingkah laku lazim, kedua-dua teori tersebut juga diaplikasikan dalam pengkajian niat dalam tingkah laku Muslim. Jadual 1.4 menunjukkan kerangka teori lazim yang digunakan dalam kajian tingkah laku kepatuhan zakat.

Jadual 1.4: Kajian Tingkah Laku Kepatuhan Zakat yang Menggunakan Kerangka Teori Lazim

Bil.	Nama	Tahun	Kerangka Teori
1	Zainol Bidin	2008	Teori Perlakuan Terancang
2	Zainol Bidin, Kamil Md. Idris dan Faridahwati M. Shamsuddin	2009	Teori Tindakan Beralasan
3	Ahmad Radzuan Bin Ghazali	2009	Teori Tindakan Beralasan
4	Ram Al Jaffri Saad	2010	Teori Perlakuan Terancang

Sambungan Jadual 1.4

5	Ram Al Jaffri Saad, Zainol Bidin, Kamil Md. Idris dan Md. Hairi Md. Hussain	2010	Teori Perlakuan Terancang
6	Halizah Md Arif, Kasumalinda Alwi dan Agoos M. Tahir	2011	Teori Perlakuan Terancang
7	Nor Adilah Ahmad Shokori	2011	Teori Perlakuan Terancang
8	Nurul Huda, Nova Rini, Yosi Mardoni dan Purnama Putra	2012	Teori Perlakuan Terancang
9	Zainol Bidin, Mohd Zainudin Othman dan Farah Mastura Noor Azman	2013	Teori Perlakuan Terancang
10	Mohd Heikal, Muammar Khaddafi dan Falahuddin	2014	Teori Perlakuan Terancang

Kajian-kajian yang dilakukan seperti dalam Jadual 1.4 menunjukkan teori-teori lazim dijadikan sandaran untuk menjelaskan tingkah laku kepatuhan zakat yang mana zakat merupakan satu ibadah wajib dalam Islam. Selain daripada zakat, teori niat dalam tingkah laku lazim juga diaplikasikan dalam kajian tingkah laku berwakaf tunai. Jadual 1.5 menunjukkan kerangka teori lazim yang digunakan dalam kajian tingkah laku berwakaf tunai.

Jadual 1.5: Kajian Tingkah Laku Berwakaf Tunai yang Menggunakan Kerangka Teori Lazim

Bil.	Nama	Tahun	Kerangka Teori
1	Noor Faezah Basary	2014	Teori Perlakuan Terancang
2	Amirul Faiz Osman, Mustafa Omar Mohammed dan Hanudin Amin	2014	Teori Perlakuan Terancang
3	Amirul Faiz Osman, Mustafa Omar Mohammed dan Aiman Fadzil	2015	Teori Perlakuan Terancang

Sambungan Jadual 1.5

4	Anwar Allah Pithcay, Ahamed Kameel Mydin Meera dan Muhammad Yusof Saleem	2015	Teori Tindakan Beralasan
5	Anwar Allah Pitchay	2015	Teori Tindakan Beralasan
6	Amirul Faiz Osman	2016	Teori Perlakuan Terancang
7	Jarita Duasa, Mohamed Asmy Mohd Thas Thaker	2016	Teori Tindakan Beralasan
8	Mohamed Asmy Mohd Thas Thaker, Mustafa Omar Mohammed, Jarita Duasa, Mohammad Asri Abdullah	2016	Teori Tindakan Beralasan
9	Nurul Adilah Hasbullah, Khairil Faizal Khairi dan Muhammad Ridhwan Ab. Aziz	2016	Teori Perlakuan Terancang

Berdasarkan Jadual 1.4 dan Jadual 1.5 jelas menunjukkan telah banyak kajian tingkah laku Muslim dilakukan menggunakan kerangka teori lazim. Contoh-contoh kajian tersebut menunjukkan teori niat lazim dalam tingkah laku pengguna telah mendominasi kajian niat dalam tingkah laku pengguna Muslim.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Perbincangan sebelum ini telah menunjukkan perkembangan wakaf tunai di peringkat serantau dan Malaysia khususnya Pulau Pinang dan juga perkembangan konsep niat dalam tingkah laku. Berdasarkan dua keadaan tersebut, terdapat isu-isu yang menarik untuk dipersoalkan dan diselesaikan.

Isu pertama dikenal pasti berdasarkan data kutipan dana wakaf tunai di Pulau Pinang yang menunjukkan keadaan yang tidak konsisten. Che Khadijah Hamid (2010)

menyatakan bahawa keadaan kutipan dana yang tidak konsisten ini disebabkan oleh masalah pengurusan yang dihadapi oleh MAINPP. Namun, jika dilihat kepada pelaksanaan wakaf tunai melalui medium sumbangan yang pelbagai adalah sangat menghairankan jika berlakunya turun naik dalam jumlah sumbangan mengikut tahun. Masalah seperti kelemahan pengurusan tidak lagi relevan kerana perkara itu telah diatasi dengan penambahan bilangan staf tetapi masalah sebenarnya ialah kelemahan dalam mengumpulkan kutipan. Kelemahan dalam mengumpulkan kutipan ini jika dilihat dari perspektif pewakaf tunai disebabkan oleh tingkah laku berwakaf tunai yang tidak konsisten yang menyebabkan jumlah kutipan dana wakaf tunai Pulau Pinang menjadi tidak konsisten (Farhana Ahmad Suhaimi, 2011). Hal ini kerana pihak penyumbang merupakan sumber utama dalam sumbangan pemberian amal. Sekiranya pihak penyumbang bermasalah maka sumbangan turut akan mengalami masalah. Oleh itu, sebarang turun naik dalam jumlah kutipan adalah disebabkan oleh masalah penyumbang itu sendiri (Johns, 2004; Taylor & Anderson, 2008).

Masalah utama yang telah dikenal pasti daripada isu kutipan dana wakaf Pulau Pinang ialah masalah tingkah laku pewakaf tunai. Isu tersebut membawa kepada munculnya isu kedua berkaitan kajian tingkah laku. Secara umum, terdapat empat konsep utama yang digunakan untuk menjelaskan tingkah laku iaitu konsep niat, kepercayaan, persepsi dan sikap. Walau bagaimanapun, konsep niat telah menjadi tumpuan pengkaji disebabkan oleh kegagalan konsep sikap dalam menjelaskan hubungan antara sesuatu tingkah laku. Hal ini menyebabkan pengkaji tingkah laku beralih kepada niat untuk menjelaskan sesuatu tingkah laku itu dilakukan dan diaplikasikan dalam kajian tingkah laku manusia. Persoalannya, adakah niat mempengaruhi tingkah laku manusia? Dalam kajian tingkah laku lazim, faktor niat

merupakan faktor penting yang menghubungkan antara sesuatu rangsangan dengan tingkah laku. Oleh itu, konsep niat menjadi sandaran utama dalam pengkajian tingkah laku sehingga diaplikasikan kepada orang Islam itu sendiri. Walaupun dalam Islam itu sendiri sudah terdapat konsep niat dan tingkah laku yang tersendiri. Oleh itu, adakah sesuai sesuatu konsep yang dibina mengikut acuan Barat diaplikasikan terhadap orang Islam sedangkan dalam masa yang sama terdapat konsep niat dan tingkah laku dalam Islam itu sendiri. Tidak terdapatkah satu konsep niat dalam tingkah laku berteraskan Islam boleh diaplikasikan dalam kajian tingkah laku Muslim? Oleh itu, satu konsep niat dalam tingkah laku berteraskan Islam perlu dibentuk untuk diaplikasikan dalam kajian tingkah laku Muslim. Tujuannya adalah untuk menentukan pengaruh niat berteraskan Islam terhadap tingkah laku Muslim. Hal ini perlu dilakukan kerana terdapat beberapa perkara dalam konsep niat dalam tingkah laku lazim yang bertentangan dengan Islam. Pertama, aspek pemisahan agama iaitu anti-dogmatik dalam konsep niat dalam tingkah laku lazim yang menyangkal batasan syarak dalam tingkah laku Muslim kerana menyatakan bahawa niat seseorang untuk bertingkah laku akan mempengaruhi tingkah lakunya untuk melakukan apa sahaja mengikut kehendaknya tanpa batasan (Ahmad Azrin Adnan, 2010).

Pemisahan antara agama dalam kehidupan manusia terutamanya orang Islam adalah sangat berbahaya kerana akan menjadikan seseorang Muslim itu memisahkan antara urusan dunia dan urusan akhiratnya sedangkan agama itu meliputi kehidupan secara menyeluruh atau satu cara hidup (Nik Mustapha Nik Hasan, 1996). Kedua, teori niat dalam tingkah laku lazim juga dibentuk berdasarkan tasawur dan epistemologi lazim. Menurut Muhammad Syukri Salleh (2008) tasawur dan epistemologi lazim tidak

sesuai digunakan terhadap Muslim malahan tidak tepat untuk menjelaskan keadaan sebenar Muslim sekali gus terhad kepada keyakinan yang dilihat (*'ain al-yaqīn*) dan keyakinan ilmu (*'ilm al-yaqīn*) sahaja tetapi tidak mencapai keyakinan yang hakiki (*haq al- yaqīn*).

Isu kedua tersebut membawa pula kepada isu ketiga iaitu walaupun konsep niat dalam teori lazim tersebut tidak selari dengan Islam namun konsep tersebut telah dibuktikan menjadi proksi kepada tingkah laku. Oleh sebab itu, kesannya menyebabkan kajian-kajian dalam tingkah laku Muslim seperti kepatuhan zakat dan wakaf tunai telah mengaplikasikan teori tersebut. Oleh itu, konsep niat dalam tingkah laku berteraskan Islam juga perlu dibuktikan mampu mempengaruhi tingkah laku Muslim. Pengaruh niat terhadap tingkah laku pewakaf tunai menjadi tumpuan kerana tingkah laku berwakaf tunai bukan suatu tingkah laku yang wajib dilakukan. Oleh itu, tingkah laku tersebut boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor dan adakah faktor tersebut berhubung secara terus dengan tingkah laku atau dipengaruhi oleh niat. Hasilnya akan menentukan sama ada niat mempengaruhi tingkah laku berwakaf tunai atau tidak serta mengukuhkan konsep niat dalam tingkah laku berteraskan Islam.

Secara keseluruhannya tiga isu yang dibangkitkan sebelum ini ialah perkara yang perlu diselesaikan dalam kajian ini. Persoalan-persoalan yang dibangkitkan serta keperluan kenapa kajian ini perlu dilakukan telah mendorong pengkaji untuk lebih mendalami konsep niat dalam tingkah laku berwakaf tunai dan menentukan pengaruh niat sebagai mediator kepada tingkah laku berwakaf tunai dalam kalangan Muslim di Pulau Pinang. Hasil kajian ini seterusnya dapat menjelaskan fungsi niat terhadap sesuatu tingkah laku di samping menjelaskan faktor mempengaruhi niat berwakaf

tunai. Seterusnya, mencadangkan pendekatan-pendekatan yang boleh diambil untuk terus meningkatkan kutipan dana wakaf Pulau Pinang.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan kepada pernyataan masalah yang telah dihuraikan sebelum ini, objektif umum kajian ini bertujuan untuk menentukan pengaruh niat terhadap tingkah laku berwakaf tunai berdasarkan konsep niat dalam tingkah laku berwakaf tunai. Berdasarkan objektif umum tersebut, kajian ini telah mengetengahkan tiga objektif khusus kajian. Objektif-objektif khusus kajian adalah seperti berikut:

1. Menenal pasti konsep niat dalam tingkah laku berwakaf tunai.
2. Menganalisis hubungan langsung antara faktor-faktor yang mempengaruhi niat dalam tingkah laku berwakaf tunai terhadap niat dan tingkah laku berwakaf tunai dalam kalangan Muslim di Pulau Pinang.
3. Merumuskan pengaruh niat terhadap tingkah laku berwakaf tunai dalam kalangan Muslim di Pulau Pinang.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Bagi mencapai objektif-objektif kajian yang telah disenaraikan, kajian ini telah mengetengahkan tujuh persoalan kajian berhubung pengaruh niat terhadap tingkah laku berwakaf tunai. Persoalan-persoalan kajian tersebut adalah seperti berikut:

- i. Apakah maksud niat dalam tingkah laku berwakaf tunai?
- ii. Apakah elemen yang mempengaruhi pembentukan niat dalam tingkah laku berwakaf tunai?
- iii. Bagaimanakah bentuk kerangka konseptual konsep niat dalam tingkah laku berwakaf tunai?
- iv. Apakah pandangan pakar-pakar terpilih terhadap konsep niat dalam tingkah laku berwakaf tunai?
- v. Bagaimanakah hubungan langsung faktor-faktor yang mempengaruhi niat dalam tingkah laku berwakaf tunai terhadap niat berwakaf tunai?
- vi. Bagaimanakah hubungan langsung faktor-faktor yang mempengaruhi niat dalam tingkah laku berwakaf tunai terhadap tingkah laku berwakaf tunai?
- vii. Adakah niat menjadi mediator dalam hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi niat dalam tingkah laku berwakaf tunai dengan tingkah laku berwakaf tunai?

Setiap persoalan yang dinyatakan dapat dihubungkan dengan objektif kajian seperti mana yang dipaparkan dalam Jadual 1.6.

Jadual 1.6: Hubung Kait antara Objektif Kajian dan Persoalan Kajian

Bil.	Objektif Kajian	Persoalan Kajian
1	Mengetahui pasti konsep niat dalam tingkah laku berwakaf tunai.	<ul style="list-style-type: none"> i. Apakah maksud niat dalam tingkah laku berwakaf tunai? ii. Apakah elemen yang mempengaruhi pembentukan niat dalam tingkah laku berwakaf tunai? iii. Bagaimanakah bentuk kerangka konseptual konsep niat dalam tingkah laku berwakaf tunai? iv. Apakah pandangan pakar-pakar terpilih terhadap konsep niat dalam tingkah laku berwakaf tunai?
2	Menganalisis hubungan langsung antara faktor-faktor yang mempengaruhi niat dalam tingkah laku berwakaf tunai terhadap niat dan tingkah laku berwakaf tunai dalam kalangan Muslim di Pulau Pinang.	<ul style="list-style-type: none"> v. Bagaimanakah hubungan langsung faktor-faktor yang mempengaruhi niat dalam tingkah laku berwakaf tunai terhadap niat berwakaf tunai? vi. Bagaimanakah hubungan langsung faktor-faktor yang mempengaruhi niat dalam tingkah laku berwakaf tunai terhadap tingkah laku berwakaf tunai?
3	Merumuskan pengaruh niat terhadap tingkah laku berwakaf tunai dalam kalangan Muslim di Pulau Pinang.	<ul style="list-style-type: none"> vii. Adakah niat menjadi mediator dalam hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi niat dalam tingkah laku berwakaf tunai dengan tingkah laku berwakaf tunai?

Berdasarkan Jadual 1.6, terdapat tiga objektif kajian yang perlu dicapai dengan tujuh persoalan kajian yang perlu dijawab. Objektif pertama mempunyai empat persoalan kajian yang perlu dijawab iaitu persoalan kajian (i), (ii), (iii) dan (iv). Objektif kedua